

Bangku panjang fleksibel

Serdang: Bangku panjang fleksibel, Congrex, rekaan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) mempunyai ciri unik dan estetik bagi menyerikan kawasan riadah dan taman awam.

Bangku rekaan Ketua Jabatan Reka Bentuk Industri, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, Dr Ahmad Rizal Abd Rahman itu menggunakan kayu tropika nyatoh sepenuhnya.

Beliau berkata, rekaan bangku itu berkonsep modular iaitu mudah alih dan boleh dipanjangkan bagi memastikan keselesaan pengguna.

“Penggunaan kayu berkual-

iti tinggi menjadikan bangku ini tinggi nilainya sekali gus membolehkan diguna untuk menghiasi rumah dan ruang istirahat, sementara versi lebih murah ditempatkan di taman awam.

“Kita juga kini meneliti bahan lain termasuk gentian, keluli tahan karat, konkrit atau komposit untuk mereka bentuk semula Congrex tanpa menjejaskan daya tarikan dan nilai estetikanya,” katanya.

Sesuai dikomersialkan

Ahmad Rizal berkata, gaya hidup masyarakat dan cuaca antara


faktor diambil kira dalam rekaan bangku itu.

“Masyarakat negara ini suka makan dan berbual-bual di taman, justeru rekaan berasaskan konsep modular dijadikan pilihan supaya boleh dipanjangkan dengan menambah lebih banyak meja dan bangku serta mudah dipindahkan,” katanya.

Prototaip Congrex membabitkan kos kira-kira RM3,000 dibeli seorang arkitek dengan harga lebih dua kali ganda untuk

ditempatkan di rumahnya dan turut menarik perhatian juri Ekspo Teknologi Malaysia tahun lalu yang menganugerahkan pingat emas bagi rekaan perabot bernilai tinggi itu.

Keterangan lanjut, hubungi Ahmad Rizal menerusi e-mel rizalrahman@putra.upm.edu.my atau 03-8946 4096.



Dr Ahmad Rizal
bersama-sama
bangku hasil
rekaannya.